

MELAKA TENGAH: Masalah banjir kilat yang sering melanda kawasan rendah di sekitar bandar raya ini sejak beberapa tahun lalu, bakal berakhir apabila fasa pertama projek tebatan banjir bernilai RM50 juta, dijadualkan siap hujung bulan ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, semua kerja pembinaan yang turut membabitkan pembesaran saliran di Peringgit Jaya, Jalan Taming Sari, Bukit Katil, Kampung Cheti, Semabok Perdana, Bukit Piatu dan Tangga Batu sedang di peringkat akhir.

Katanya, sebuah rumah pam air bernilai RM5.6 juta yang akan berfungsi mengalirkan air hujan terutama dari Durian Daun dan Pengkalan Rama terus ke Sungai Melaka juga sedang giat dibina di belakang Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

“Kerja pembesaran parit dan pembinaan rumah pam berkenaan yang dilaksanakan menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka sedang berjalan lancar dan dijangka siap sepenuhnya pada 30 Disember ini.

“Apabila siap kelak, kemudahan ini mampu menangani masalah banjir kilat di semua kawasan terbabit setiap kali hujan lebat berlaku,” katanya selepas membuat lawatan

Projek tebatan siap hujung bulan

Pembinaan atasi masalah banjir kilat sekitar bandar raya Melaka

selama dua jam ke beberapa projek berkenaan.

Turut menyertai beliau sepanjang tinjauan itu adalah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Latiff Tamby Chik; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Omar Kaseh dan Pengarah JPSNM, Gapar Asan.

Banjir kilat sering melanda kawasan rendah di negeri ini sepanjang beberapa tahun lalu, berikutan masalah sistem perparitan yang tidak sempurna, menyebabkan banyak penduduk mengalami kerugian.

Peruntukan bagi membiayai projek ini disalurkan Kerajaan Persekutuan.

Sementara itu, Mohd Ali berkata, fasa kedua projek tebatan banjir membabitkan pembinaan tiga rumah pam di parit besar berhampiran pusat beli belah Aeon Bandaraya, Kampung Enam dan Kampung

Lapan, Tengkeri dijangka bermula seawal tahun depan dengan kos berjumlah RM78.8 juta.

Katanya, kerajaan negeri ketika ini sedang menunggu peruntukan itu daripada Kerajaan Persekutuan bagi memulakan projek berkenaan.

“Kerajaan negeri sudah memohon peruntukan itu untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kespuluh (RMKe-10). Jika ia diluluskan, projek seterusnya bakal dilaksanakan dengan kadar segera bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan terbabit.

“Ketika ini, kita menggunakan pam biasa untuk mengalirkan air di parit besar berhampiran pusat beli belah Aeon Bandaraya, Kampung Enam dan Kampung Lapan Tengkeri yang setiap satu bernilai RM5 juta,” katanya.



MOHD ALI diberi penjelasan oleh Gapar (tengah) sambil diperhatikan Latiff (kiri) ketika meninjau projek pembesaran parit di Jalan Taming Sari.